

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN
PENGARAH TANAH DAN GALIAN, NEGERI SEMBILAN

NORIZAN BINTI AZIS

PUSAT PENBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2003

1100033053


• L'industrie Suisse dans le secteur mécanique (1870-1914)

LI 13 FPE 1 2003




1100033053

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan / Norizan Azis.



**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah



Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di mata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI SEMBILAN**

OLEH

**NORIZAN BINTI AZIS
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2003

1100033053

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Norizan Binti Azis mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut

Tandatangan



Nama: Norizan Binti Azis

Tarikh: 09 Oktober 2003

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Kurnia-Nya saya dapat menamatkan Latihan Industri ini dengan jayanya. Pelbagai dugaan dan cabaran terpaksa ditempuhi, namun dengan berbekalkan doa kesabaran maka segalanya dapat diatasi dengan baik. Sepanjang tempoh 12 minggu menjalani Latihan Industri ini pelbagai pengalaman dan pengetahuan baru telah saya perolehi. Ia merupakan suatu yang amat bermakna dan berguna kepada saya untuk dimanfaatkan dan dijadikan panduan pada masa akan datang. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada En. Mohamad Razali bin Abdullah selaku penyelia Latihan Industri di atas bimbingan dan nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan laporan ini.

Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada En. Abu Bakar bin Hassan, selaku Pengarah di Jabatan Pengarah Tanah dan Galian kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri di Pejabat ini. Sekalung penghargaan diucapkan kepada para pensyarah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan Laporan Industri. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar yang telah diberikan, mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja yang diamanahkan dengan sempurna. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada En. Mohammad bin Ab Ghani, selaku Penolong Pegawai Tadbir dan bertindak sebagai penyelia organisasi serta semua kakitangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian yang telah banyak meluangkan masa dan memberikan tunjuk ajar serta kerjasama kepada saya dalam membantu menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi sepanjang tempoh Latihan Industri.

Ucapan terima kasih yang tidak ternilai kepada kedua ibubapa yang telah banyak memberi dorongan dan semangat. Tidak ketinggalan juga buat teman-teman seperjuangan dan rakan-rakan praktikal yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya hanya ALLAH yang dapat membalas jasa yang telah diberikan. Akhir kata, semoga ALLAH memberi rahmat dan mengurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri merupakan salah satu cara atau pendekatan yang disusun oleh pihak universiti kepada para pelajar dalam mendedahkan seseorang pelajar terhadap persekitaran kerja yang sebenar. Latihan Industri juga merupakan pendedahan awal bagi para pelajar universiti menjelaki alam pekerjaan yang sebenar pada suatu masa nanti. Oleh yang demikian, Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mewajibkan para pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) agar menjalani Latihan Industri selama lebih kurang 12 minggu iaitu bermula 10 Mac hingga 31 Mei 2003.

Objektif Latihan Industri adalah merangkumi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang mungkin diperolehi dengan pengaplikasian program pengajian para pelajar. Selain itu objektif Latihan Industri yang dirangka oleh pihak KUSTEM juga membolehkan para pelajar menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Semasa menjalani Latihan Industri, para pelajar perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak KUSTEM dan pihak organisasi. Manakala organisasi yang dipilih pula mestilah bersesuaian dengan bidang kursus yang diikuti oleh pelajar. Oleh yang demikian, Jabatan Pengarah Tanah dan Galian merupakan salah sebuah organisasi yang sesuai dijadikan tempat pelajar menjalani Latihan Industri sesuai dengan kursus yang diambil dan tempat oleh pelajar menimba pengalaman dan pendedahan terhadap persekitaran kerja yang sebenar.

Secara amnya, Latihan Industri ini dijalankan secara kerjasama di antara pihak KUSTEM serta organisasi yang menempatkan pelajar. Para pelajar diwajibkan untuk memulakan dan menamatkan kursus dalam tempoh yang telah ditetapkan. Hasil kerja yang dilakukan oleh pelajar semasa Latihan Industri ini diharapkan dapat membantu organisasi terbabit dalam meningkatkan produktiviti organisasi.

Selain itu, pihak KUSTEM juga dapat mengetahui kelemahan-kelemahan pelajar supaya ia boleh diperbaiki pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pihak KUSTEM akan dapat menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai keyakinan diri, berkebolehan, bertanggungjawab dan bersahsiah tinggi.

Latihan Industri yang dilaksanakan oleh pihak universiti boleh memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada pelajar. Matlamat Latihan Industri boleh dicapai sekiranya pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi dan bersemangat dalam mempelajari sesuatu yang baru. Pelbagai kemahiran dan pengalaman dapat dipelajari melalui latihan yang seumpama ini. Secara amnya, dengan mengamalkan dan mempraktikkan kemahiran dan pengetahuan

baru dengan bersungguh-sungguh, maka tujuan sebenar Latihan Industri akan dapat dicapai.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH